



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 49

6hb Januari 2005

No. 1

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 1.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMON TO CHARGOR TO ATTEND AN ENQUIRY

Kepada Abdul Rahim bin Abd Latif, yang beralamat di Batu 31, Kampung Masjid Baru, 77100 Asahan, Melaka, Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan, pemegang gadai tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tuan yang tersebut di Pejabat Tanah Jasin pada hari Khamis bersamaan 20 Januari 2005 jam 9.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

# WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

2

[6hb Jan. 2005]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Nyalas. No. Lot—2563. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 358. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 637/99, Jilid 104, Folio 72. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Disember 2004  
[PTJ/D. 1961(8)]

ROSMAWATI BINTI MOHAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah  
Jasin*

To Abdul Rahim bin Abd Latif, of Batu 31, Kampung Masjid Baru, 77100 Asahan, Melaka, the chargor of the charge stated in the Schedule over the land stated therein.

Whereas I have received from the Chargee of the said charge an application for an Order for Sale to be issued under subsection 260(2) of the National Land Code.

And whereas I intend to hold an enquiry with regards to the said application at the District Land Office of Jasin on the 20 January 2005 (Thursday) at 9.00 a.m.

Therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are required to attend the said enquiry and show cause why the said order ought not to be made.

## SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim—Nyalas. Lot No.—2563. Types and No. of Titles—P.M. 358. Share of Land (if any)—All. Registered No. Charge (if any)—Perserahan No. 637/99, Jilid 104, Folio 72. (One (1) Title only).

Dated 13 December 2004  
[PTJ/D. 1961(8)]

ROSMAWATI BINTI MOHAMAD  
*Assistant District Land Administrator  
Jasin*

## No. 2.

(Seksyen 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Section 263)

## ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF THE CHARGEES

Saya, Rosmawati binti Mohamad, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini memerintahkan dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

## WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

6hb Jan. 2005]

3

Dan selanjutnya memerintahkan—

- (a) supaya jualan itu hendaklah secara lelongan awam, yang akan diadakan pada 3 Februari 2005 pada 10.00 pagi di kawasan Pejabat Tanah Jasin; dan
  - (b) bawa harga rizab bagi maksud jualan itu hendaklah RM28,000.00 (Dua Puluh Lapan Ribu Ringgit sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada Pemegang Gadaian pada tarikh ini ialah RM17,985.56. Nama Pemegang Gadaian ialah Public Finance Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
- (a) penawar memiliki, sejumlah wang yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang dinyatakan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM2,800.00 (Dua Ribu Lapan Ratus Ringgit sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar dengan serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) jika amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi maksud mengurangkan amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak kemudian daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh jualan, iaitu, tidak lewat daripada 3 Jun 2005 dan tidak ada lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan sedemikian; dan
  - (e) jika harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang dinyatakan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan mengikut cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chabau. No. Lot—2301. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 335. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2439/1995, Jilid 85, Folio 10. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 23 Disember 2004  
[PTJ/D. 1817(19)]

ROSMAWATI BINTI MOHAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah*  
*Jasin*

I, Rosmawati binti Mohamad, Assistant Land Administrator, in exercise of the powers conferred by section 263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land/undivided share in the land/lease/sub-lease described in the Schedule below:

And I further order—

- (a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 3 February 2005 at 10.00 a.m. in the premises of the Pejabat Tanah Jasin;
- (b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM28,000.00 (Twenty Eight Thousand Ringgit only).

2. I find that the amount due to the Chargee at this date is RM17,985.56. Name of Chargee is Public Finance Berhad.

3. The sale shall be subject to the following conditions:

- (a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1(b) above: RM2,800.00 (Two Thousand Eight Hundred Ringgit only);
- (b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;
- (c) where the full amount of the purchase price is not paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder—
  - (i) then the sum specified in paragraph (a) shall be paid to the chargee and it shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and
  - (ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in subparagraph (i) shall be credited into the account of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee;
- (d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days from the date of the sale, that is, not later than 3 June 2005 and there shall be no extension of the period so specified; and
- (e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (d), the sum paid as deposit under paragraph (c) to the chargee shall be forfeited and disposed of in a manner specified under section 267.

#### SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim—Chabau. Lot No.—2301. Type of Titles and Titles No.—P.M. 335. Share of Land (if any)—All. Registered No. of Charge (if any)—Perserahan No. 2439/1995, Jilid 85, Folio 10. (One (1) Title only).

Dated 23 December 2004  
[PTJ/D. 1817(19)]

ROSMAWATI BINTI MOHAMAD  
Assistant District Land Administrator  
*Jasin*

**No. 3.****AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960  
(Akta 486)****(Seksyen 8)****PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN****PEMBETULAN**

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Melaka* No. 581 yang disiarkan pada 4 November 2004 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan—

<b>“No. Lot Ukur</b>	<b>Hakmilik atau Pendudukan</b>	<b>Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan</b>	<b>Keluasan Lot</b>	<b>Anggaran Keluasan yang akan Diambil</b>
--------------------------	---	--	-------------------------	--

Daerah—Melaka Tengah. Kawasan Bandar—Kawasan Bandar XVIII.

	<b>G.R.N.</b>		<b>Meter Persegi</b>	<b>Ekar</b>
169	7914	Patt Hup Transport Company Berhad	655.0838	1.0”

yang terdapat di bawah kepala “Kawasan Bandar—Kawasan Bandar XVIII” di muka surat 708 dengan perkataan-perkataan—

<b>“No. Lot Ukur</b>	<b>Hakmilik atau Pendudukan</b>	<b>Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan</b>	<b>Keluasan Lot</b>	<b>Anggaran Keluasan yang akan Diambil</b>
	<b>G.R.N.</b>		<b>Meter Persegi</b>	<b>Meter Persegi</b>
4	17980	Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	4833.4565	2145”.

[PTG(M) S/342/7/1/KB. 18/45]

JAAFAR BIN ABU  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Melaka*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (**Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik**).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA